

Elak cetus provokasi

» Jawatankuasa pilihan raya kampus UPM pantau penyebaran fitnah

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

▀ Serdang

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) diingatkan supaya tidak bertindak melampau hingga menjejaskan keharmonian kampus menjelang pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2013/2014 bagi mengelak tindakan tatatertib termasuk dibuang atau digantung pengajian.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata penyebaran fitnah menerusi media sosial dan kumpulan pelajar yang taksud dengan ideologi masing-masing hingga mencetus provokasi dengan pelajar lain antara kegiatan yang dipantau jawatankuasa pilihan raya kampus universiti itu.

Katanya, peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti membolehkan pengurusan universiti mengambil tindakan terhadap pelajar yang mengganggu-gugat keselamatan kampus termasuk semasa pilihan raya kampus.

Kenal pasti kesalahan

“Kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap pelajar yang cuba menjejaskan keharmonian kampus sama ada menerusi kempen secara bersemuka mahupun media sosial.

“Pelajar yang dikenal pasti akan ‘dibicarakan’ jawatankuasa khas pilihan raya bagi mengenal pasti kesalahan dilakukan serta menentukan tindakan tatatertib bersesuaian termasuk digantung semester atau dibuang pengajian,” katanya pada sidang media sempena proses penamaan calon Pemilihan MPP UPM 2013/2014 di Kolej 13 UPM, di sini, kelmarin.

Mohammad Shatar berkata, proses penamaan calon selama tiga jam bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari berjalan lancar dan aman tanpa sebarang kekecohan.

Katanya, senarai calon layak bertanding diumumkan sehari selepas proses penamaan calon bagi membolehkan pengurusan memastikan semua calon memenuhi syarat ditetapkan.

Antara syarat calon ialah mencapai purata nilai gred kumulatif minimum 2.80 bagi pelajar prasiswazah dan 3.50 bagi penuntut pasca siswazah serta tidak pernah dikenakan tindakan disiplin.

Beliau berkata, calon dibenarkan berkempen mulai 24 hingga 27 November ini sebelum 26,990 pelajar UPM yang layak mengundi menunaikan tanggung jawab memilih 11 calon umum dan 34 calon fakulti pada 28 November.



Mohammad Shatar (tengah) melihat borang pencalonan yang diserahkan calon pilihan raya kampus UPM 2013/2014. [FOTO AFENDI MOHAMED / BH]

Sistem e-undi

“Sesi pembuangan undi menggunakan sistem e-undi di enam lokasi termasuk kampus Bintulu, Sarawak akan bermula jam 9 pagi hingga 4 petang.

“Keputusan akan diumumkan pada hari sama diikuti sesi bantahan terhadap keputusan pada 29 November, keputusan bantahan dan rayuan terhadap keputusan bantahan pada 30 November diikuti keputusan rayuan pada 2 Disember sebelum pengisytiharan rasmi calon berjaya pada 3 Disember,” katanya.

Sementara itu, seorang calon kerusi umum, Luqman Abd Hamid, 22, berkata beliau mem-

perjuangkan pengembalian fungsi Kompleks Mahasiswa UPM sebagai pusat kegiatan pelajar sebagai manifesto.

“Kompleks terletak bersebelahan masjid UPM itu kini digunakan sebagai bilik kuliah tambahan membuatkan pelajar terutama ahli kelab dan persatuan terpaksa menggunakan kafe atau kolej kemudian sebagai pusat berkumpul.

“Jika fungsi kompleks itu dikembalikan kepada objektif penubuhan asalnya, pelbagai aktiviti pembangunan pelajar boleh dilaksanakan secara setempat termasuk membuka peluang pelajar menjana pendapatan dengan berniaga di situ,” katanya.